



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP (NEGERI PULAU PINANG)

Tingkat 2, Kompleks Sempilai Jaya, Jalan Sempilai,
13700, Seberang Jaya, Pulau Pinang

No. Telefon : 04-384 0100/ 04-384 0245
No. Faks : 04-384 0200

SEORANG LELAKI TEMPATAN DIDENDA RM 30,000.00 ATAU DENDA 5 BULAN PENJARA ATAS KESALAHAN MENYIMPAN MINYAK DIESEL TANPA LESEN

PULAU PINANG, 05 JUN 2024 – Seorang lelaki tempatan telah dijatuhkan hukuman denda RM 30,000.00 atau lima (5) bulan penjara jika gagal membayar denda di Mahkamah Sesyen Jenayah 2 Butterworth.

Hakim Puan Noor Aini Binti Yusof menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Tan Teik Choon dan memutuskan agar deposit daripada pihak pendakwaan dilucutkan dan dijadikan hasil kerajaan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa KPDN Pulau Pinang sementara tertuduh diwakili seorang peguambela. Tertuduh faham dengan pertuduhan dan telah mengaku bersalah.

Kesalahan dilakukan pada 6 Oktober 2023 kira-kira jam 6.30 petang di Stesen Minyak Caltex Seri Pauh, Mukim 4 Permatang Pauh Seberang Perai Tengah Bukit Mertajam dan telah ditahan bersama barang kawalan berjadual iaitu minyak diesel sebanyak 928 liter yang berada di dalam tangki sebuah van jenama Toyota.

Tertuduh telah didakwa di mahkamah kerana telah menimbulkan syak munasabah bahawa ianya telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan melanggar Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan minyak diesel tersebut secara borong atau runcit tanpa lesen.

Masyarakat/Pengguna diseru supaya menjadi mata dan telinga bagi menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi. Orang ramai boleh menyalurkan aduan dan maklumat kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000 / 019-279 4317
- ii. Portal Aduan ; e-aduan.kpdn.gov.my
- iii. Call Centre : 1-800-886-80, dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN

**JEGAN A/L R.SUBRAMANIAM
PENGARAH
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA
HIDUP NEGERI PULAU PINANG
06 JUN 2024**

####